

SOALAN NO : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan dan status terkini (dari 1 Jun 2014 sehingga 15 September 2014) pembinaan hospital di Parlimen Kapar dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10, dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa Cadangan Pembinaan Hospital Kapar masih di peringkat pengesahan tapak dan urusan perolehan tanah. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memaklumkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Selangor tentang pendirian KKM untuk memilih tapak yang dimiliki oleh Sime Darby di Kapar berbanding tapak-tapak lain yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk pembinaan Hospital Kapar.

Pihak JPBD telah memanjangkan perkara ini kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor memohon agar pihak Kerajaan Negeri Selangor menguruskan proses penyerahan tapak seluas 50 ekar tersebut. Dalam masa yang sama, pemilik tanah iaitu *Sime Darby* telah menghantar *Master Plan Concept* kepada Majlis Perbandaran Klang bagi tujuan kelulusan setelah beberapa pindaan dibuat sebelum ini. Satu mesyuarat penyelarasan akan dipanggil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membincangkan pengesahan tapak untuk cadangan pembinaan Hospital Kapar.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan bagi membina Klinik Kesihatan Kapar Baru menggantikan Klinik Kesihatan Lama sedang di peringkat penyediaan pelan tapak serta perinciannya oleh JKR sebelum projek dapat ditender.

Perancangan ini mengambil masa yang lebih panjang kerana masalah memastikan perkhidmatan yang sedia ada ditapak tersebut perlu diteruskan. Tapak pembangunan klinik baru ini adalah di tapak klinik sedia ada seluas 5.1 ekar. Kajian terperinci yang dibuat telah berjaya mengelakkan keperluan meroboh bangunan Klinik sedia ada yang menyediakan perkhidmatan klinik pesakit luar serta kesihatan ibu dan anak. Usaha ini akan dapat menjimatkan kos pemindahan perkhidmatan klinik ke tempat baru di samping dapat mempercepatkan pelaksanaan projek keseluruhannya.